

UMNO tak boleh fail permohonan pengampunan bagi pihak Najib

Petisyen hanya boleh dilakukan bekas PM, ahli keluarga

Oleh Rohaniza Idris dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: UMNO tidak boleh memfailkan permohonan pengampunan bagi pihak Datuk Seri Najib Razak.

Peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla, berkata Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Penjara 2000, memperuntukkan bahawa petisyen pengampunan itu hanya boleh dilakukan oleh Najib, ahli keluarga atau peguam yang dilantik oleh bekas Perdana Menteri itu dan Jabatan Penjara.

Bagaimanapun, katanya, UMNO boleh memfailkan surat, petisyen atau kenyataan sokongan ditandatangani ahli-ahlinya kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menyokong permohonan Najib.

"Begitu juga orang ramai yang ingin membantah permohonan

Najib untuk mendapatkan pengampunan dengan petisyen maya yang ada, individu yang menaja itu boleh memajukan bantahan berkenaan kepada permohonan.

"Tiada isu untuk berbuat demikian, tetapi mereka dengan sendirinya tidak boleh membuat permohonan, sebaliknya memajukan sokongan terhadap permohonan Najib," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO memohon pertimbangan supaya Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memberi pengam-

"Tiada isu untuk berbuat demikian, tetapi mereka dengan sendirinya tidak boleh membuat permohonan, sebaliknya memajukan sokongan terhadap permohonan Najib"

Mohamed Haniff Khatri Abdulla
Peguam



punan penuh kepada Najib, yang kini sedang menjalani hukuman penjara selepas didapati bersalah menyeleweng dana SRC International Sdn Bhd.

Sebelum ini, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki, dilaporkan berkata, MKT UMNO menerima memorandum dari 191 bahagian termasuk Wa-

nita dan Sayap Pergerakan Pemuda dan Puteri yang memohon kepemimpinan tertinggi UMNO membela bekas Presiden itu, yang disifatkan mempunyai banyak jasa kepada rakyat dan negara.

Jelas beliau lagi, MKT UMNO juga sebulat suara bersetuju untuk memohon menghadap bagi mempersembahkan warkah rayuan kepada Al-Sultan Abdullah berserta memorandum ditandatangani oleh seluruh kepimpinan UMNO dari 191 bahagian.

Segera hantar petisyen

Pengamal undang-undang, Nizam Bashir Abdul Kariem Bashir, berkata petisyen pertama boleh dibuat seberapa segera yang

"Antara perkara yang akan dipertimbangkan dalam permohonan pengampunan itu adalah tempoh masa di mana banduan sudah menjalani hukuman"

Nizam Bashir Abdul Kariem Bashir,
Pengamal undang-undang



dapat dilaksanakan oleh Najib selepas sabitannya.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya permohonan pertama ditolak, petisyen buat kali kedua hanya dibenarkan apabila seseorang banduan sudah menyempurnakan tiga tahun daripada tarikh sabitan.

"Petisyen pengampunan itu perlu dikemukakan kepada Urus Setia Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan iaitu Seksyen Dasar, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, di Putrajaya.

"Antara perkara yang akan dipertimbangkan dalam permohonan pengampunan itu adalah tempoh masa di mana banduan sudah menjalani hukuman," katanya.